

16.12.2020

## KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

### **PERLOMBONGAN REE DI ULU MUDA MENIMBULKAN “ANCAMAN TIGA KALI GANDA”**

- Ia akan menyebabkan (1) Kemusnahan alam sekitar di kawasan tadahan air, (2) Pencemaran tanah dan air serta (3) Kontaminasi air mentah.
- Ulu Muda adalah kawasan tadahan air NCER bagi 4.2 juta orang di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.
- Malah China, pengeluar REE utama di dunia, tidak melombong REE di kawasan tadahan air.

PULAU PINANG, Rabu, 16.12.2020: Perlombongan unsur nadir bumi atau *rare earth elements* (REE) di kawasan tadahan air Ulu Muda di Kedah menimbulkan “ancaman tiga kali ganda” terhadap keselamatan bekalan air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Ancaman perlombongan REE di kawasan tadahan air terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) boleh diringkaskan seperti berikut:

1. **Kemusnahan alam sekitar:** Perlombongan REE bernilai RM60 bilion pasti akan melibatkan pembukaan tanah berskala besar dan penebangan pokok untuk menjalankan operasi perlombongan di persekitaran hutan hujan yang asli.
2. **Pencemaran tanah dan air:** Operasi perlombongan untuk mengekstrak dan memproses REE akan menyebabkan pencemaran dan menghasilkan sisa yang akan meresap ke dalam tanah dan air bawah tanah yang berdekatan.
3. **Kontaminasi air mentah:** Perlombongan dan pengekstrakan REE melibatkan bahan kimia toksik dan rawatan pelogaman untuk

memisahkan REE dari tanah yang digali, termasuk mandian asid dan kolam pencucian. Hujan boleh menyebabkan toksin dan bahan kimia dibawa ke dalam Sungai Muda dan anak-anak sungainya.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa perlombongan REE di Ulu Muda merupakan ancaman yang lebih berbahaya bagi keselamatan bekalan air di NCER daripada pembalakan.

Pada 15.12.2020, FMT melaporkan bahawa Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mencadangkan agar Pulau Pinang memberi ganti rugi kepada Kedah atas “pengorbanan besarnya” agar tidak melakukan perlombongan REE di kawasan tadahan air di Kedah.

Ini adalah sama seperti meminta Pulau Pinang membayar Kedah kerana menghebahkan cadangan yang tidak rasional. Tidak ada “pengorbanan besar” kerana TIADA justifikasi bagi perlombongan REE di kawasan tadahan air.

Pada 10.12.2020, BERNAMA memetik Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) sebagai berkata bahawa laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk eksplorasi perlombongan REE di Kedah akan dinilai “secara profesional dan cermat” untuk memastikannya “mesra alam”.

Perkara paling penting yang perlu diingat adalah:

- Kompleks Hutan Ulu Muda seluas 163,000 hektar lebih dari sekadar habitat hutan hujan untuk burung dan lebah. Ia adalah kawasan tadahan air utama untuk 3 negeri NCER.

96% air mentah Kedah dan 70% air mentah Perlis asalnya dari Ulu Muda. Lebih 80% air mentah yang diabstrak oleh PBAPP dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang di Pulau Pinang juga asalnya dari Ulu Muda.

Perlombongan REE menimbulkan ancaman tiga kali ganda dari kemusnahan alam sekitar, pencemaran tanah dan air, serta pencemaran air mentah di Ulu Muda, dan dengan itu, membahayakan sumber bekalan air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Perlu diingati bahawa bekalan air mempunyai kaitan langsung dengan kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

Perkara penting lain yang perlu dipertimbangkan termasuk:

- Malahan China, pengeluar REE terkemuka di dunia, TIDAK melombong REE di kawasan tadahan air. China Urban Water Blueprint 2016 tidak melaporkan sebarang kes perlombongan REE di 135 tadahan air untuk 30 bandar paling pesat berkembang di China.
- TIADA negara di dunia, termasuk China, menganggap perlombongan REE sebagai aktiviti ekonomi “mesra alam”.
- TIADA siapa yang dapat menafikan perlombongan REE menyebabkan masalah ketoksikan tanah dan air yang serius di kawasan pengeluaran.
- Posting web *online* ANTARABANGSA telah melaporkan ancaman perlombongan REE terhadap kesihatan manusia, termasuk ancaman barah.\*
- Sesiapa sahaja boleh melihat dan membaca mengenai impak perlombongan REE secara *ONLINE* untuk memahami akibat yang merosakkan daripada industri ini.\*

Ekstrak berikut dari laporan earth.org \*\* menggariskan masalah persekitaran yang berkaitan dengan perlombongan REE:

*“Adalah mencabar untuk melombong dan memproses nadir bumi tanpa membahayakan alam sekitar. Masalahnya berkaitan dengan dua kaedah pengekstrakan utama.*

*Yang pertama melibatkan membuang permukaan tanah, mengangkutnya ke kolam pencucian, dan menambahkan bahan kimia (seperti ammonium sulfat dan amonium klorida) untuk memisahkan logam. Bahan kimia yang digunakan dalam proses pemisahan ini dapat menimbulkan pencemaran udara, menyebabkan hakisan, dan melarutresap ke dalam air bawah tanah.*



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

*Kaedah pemprosesan kedua melibatkan penggerudian lubang ke dalam tanah, memasukkan paip PVC dan hos getah dan mengepam bahan kimia untuk membersihkan. Bahan yang dihasilkan kemudian dipam ke kolam pencucian untuk memisahkan logam nadir bumi.*

*Kaedah ini menimbulkan masalah yang sama dengan penyingkiran tanah atas dengan penambahan paip PVC, hos getah dan lain-lain yang digunakan oleh kru perlombongan yang masih tinggal di lombong.*

*Lombong terbiar menimbulkan bahaya alam sekitar yang berterusan. Bahan kimia yang tersisa boleh terus melarutresap ke dalam air bawah tanah.*

*“Lombong juga boleh mengandungi kolam air sisa yang berpotensi mengalir ke saluran air tempatan. Sebagai contoh, dalam laporan 2016, China Water Risk mengenengahkan sebuah lombong terbengkalai di Ganzhou di mana bahan kimia yang tidak dirawat mengalir dari kolam pencucian ketika hujan.”*

Jelas, perlombongan REE tidak boleh dilakukan, dalam keadaan apa pun, di kawasan tadahan air.

“Urusan REE RM60 bilion” di Kedah adalah cadangan berbahaya yang akan menjejaskan kuantiti dan kualiti air mentah dari Ulu Muda dan membahayakan kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

Setiap hari, air mentah yang berasal dari Ulu Muda dirawat secara konvensional dan dibekalkan kepada pengguna air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Seramai 4.2 juta orang menggunakan air terawat setiap hari untuk minum, memasak, mencuci, mandi dan membersihkan.

Sektor industri pembuatan berteknologi tinggi di Kedah dan Pulau Pinang menggunakan air yang asalnya dari Ulu Muda untuk mengeluarkan produk bertaraf dunia untuk pasaran global. Hotel dan resort menggunakannya untuk melayani pengunjung dari seluruh dunia. Pada tahun 2019 sahaja, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menyumbang anggaran RM147.8 bilion kepada KDNK negara.

Oleh itu, KASA dan Kerajaan Persekutuan TIDAK harus membenarkan perlombongan REE di Ulu Muda. Malaysia mesti mengelakkan bencana



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

yang akan membawa kesan buruk terhadap alam sekitar, kesihatan awam dan aktiviti sosio ekonomi di NCER.

Terima kasih.

\*

<https://www.theguardian.com/environment/2012/aug/07/china-rare-earth-village-pollution>

<https://www.latimes.com/world-nation/story/2019-07-28/china-rare-earth-tech-pollution-supply-chain-trade>

[https://en.wikipedia.org/wiki/Rare-earth\\_element](https://en.wikipedia.org/wiki/Rare-earth_element)

\*\* <https://earth.org/rare-earth-mining-has-devastated-chinas-environment/>

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my